

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
RABU, 12 MAC 2025**

PJL10/01/2025

1

No. Soalan: PL135

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai program atau rancangan untuk membantu penuntut yang kurang berkemampuan dan miskin sehingga mereka dapat meneruskan pembelajaran ke peringkat akademik yang lebih tinggi. Ini juga dihasratkan untuk membolehkan mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

JAWAPAN:

[Telah dijawab melalui Kenyataan Menteri pada Sabtu, 08.03.2025]

No. Soalan: 141

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN**

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi menangani masalah kekurangan guru kelas pembelajaran bagi anak-anak istimewa yang hanya dapat dijalankan dua hari dalam seminggu, sama ada ditambah bilangan tenaga pengajar, menyediakan latihan tambahan untuk guru sedia ada mencari alternatif lain bagi memastikan anak-anak istimewa mendapatkan pendidikan yang mencukupi dan berkualiti.

JAWAPAN:

[Telah dijawab melalui Kenyataan Menteri pada Sabtu, 08.03.2025]

No. Soalan: PL89**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN****TARIKH : 12.03.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan tindakan Kementerian untuk menangani isu pengguna jalan raya penduduk kampung di jalan Kuala Balai, Belait serta syarikat-syarikat yang terdapat di jalan tersebut yang terpaksa membuat pusingan-U yang jauh jika hendak menuju ke Bandar Seri Begawan; dan (b) jika penelitian telah dibuat bagi mempertimbangkan lampu isyarat Mumong dijadikan simpang empat bagi kemudahan penduduk di jalan Kuala Balai tersebut.

JAWAPAN:

- Mengenai dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann berkaitan Jalan Kuala Balai di Daerah Belait, peramba/kaola/saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di Jalan tersebut.
- Khususnya mengenai Jalan Kuala Balai, Alhamdulillah, satu lawatan kerja telahpun diadakan baru-baru ini pada 06 Mac 2025 yang terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Keselamatan Pengangkutan di bawah Kementerian ini bersama pegawai-pegawai Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai ahli-ahli Kumpulan Tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).
- Hasil daripada lawatan dan tinjauan ke tempat berkenaan telah mendapati bahawa pengguna jalan raya bagi penduduk Kuala Balai yang hendak menuju ke Bandar Seri Begawan adalah menggunakan pusing keliling yang berjarak dalam 3.7km dari Jalan Kuala Balai tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah tidak ada simpang 'U' turn di sepanjang Seria Bypass telah menjadikan jalan tersebut lebih selamat.

- Mengenai dengan cadangan untuk menjadikan simpang lampu isyarat Mumong sebagai simpang empat bagi kemudahan penduduk di Jalan Kuala Balai, perkara ini memerlukan penelitian terperinci oleh Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur (KTTI) di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dan pihak-pihak yang berkenaan. Ini adalah memandangkan ianya memerlukan pembinaan jalan penghubung baru atau jalan susur di antara Jalan Kuala Balai ke persimpangan lampu isyarat Mumong.
- Dalam kesempatan ini, sukacita peramba/kaola/saya juga ingin mengongsikan inisiatif yang telah dijalankan bagi terus memastikan keselamatan di jalan raya adalah terjamin. Dalam perkara ini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) melalui Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Pembangunan telahpun melaksanakan penilaian audit ke atas jalan raya di negara ini, berpandukan kepada kaedah bertaraf antarabangsa yang mana dalam konteks peringkat nasional adalah dikenali sebagai *Brunei International Road Audit Assessment* (BruRAP2). Kerja-kerja pengauditan telahpun selesai dilaksanakan pada bulan Jun 2024 sejak bermulanya pada bulan Oktober 2023.
- Asas pengauditan yang telah dilakukan adalah berdasarkan tahap keselamatan infrastruktur jalan raya yang ditentukan melalui penarafan bintang. Seterusnya, pengauditan tersebut telah menghasilkan cadangan-cadangan yang juga merangkumi langkah-langkah untuk mengurangkan kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya.
- Secara ringkas, hasil laporan daripada BruRAP2 telah mendapati banyak peningkatan dalam tahap keselamatan jalan raya di negara ini berbanding dengan BruRAP yang telah dijalankan pada tahun 2015 yang mana Lebuhraya Lumut-Belait tersebut telahpun diberi taraf 4 bintang dalam penilaian tersebut.
- Sekian sahaja yang dapat peramba/kaola/saya kongsi. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL50

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH
ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan (a) langkah-langkah untuk mengenal pasti 5-10 KPI yang berimpak tinggi (*do-ability assessment*) agar matlamat Wawasan 2035 dapat dicapai, memandangkan 10 tahun adalah tempoh yang singkat untuk mencapai kesemua 37 KPI dan (b) jika ada cadangan untuk memberigakan kepentingnya Pencapaian KPI ini kepada masyarakat awam bagi memastikan rakyat memahami dan merasai impaknya dalam kehidupan sehari serta turut menyumbang ke arah kejayaan Wawasan.

JAWAPAN:**Yang Berhormat Pehin Pengerusi**

- I. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** di atas pertanyaan mengenai dengan **langkah-langkah untuk mengenal pasti 5-10 KPI yang berimpak tinggi (*do-ability assessment*)** agar matlamat Wawasan 2035 dapat dicapai, memandangkan 10 tahun adalah tempoh yang singkat untuk mencapai kesemua 37 KPI dan mengenai dengan **pemberigaaan kepentingan pencapaian KPI ini kepada masyarakat awam**.
- II. Sebelum Kaola menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai KPI Wawasan, Kaola ingin memaklumkan bahawa 37 KPI yang dirujuk oleh Yang Berhormat itu adalah petunjukprestasi utama atau KPI-KPI Kebangsaan (NKPI) di bawah Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 meliputi tempoh 2015 hingga 2022 yang telah dimuktamadkan, di mana pencapaian pelaksanaan Wawasan Negara dalam tempoh berkenaan ada diuraikan di dalam buku Laporan Wawasan Brunei 2035 (2015-2022) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

-
- III. Dengan muktamadnya penggunaan 37 NKPI berkenaan, Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 telah melalui proses pengemaskinian mengambil kira **keutamaan-keutamaan baru berdasarkan perubahan-perubahan persekitaran semasa** termasuk dari aspek geo-politik, sosio-ekonomi, kepesatan teknologi, perubahan iklim, dan kedayatahanan, dalam mana **tren-tren global dan faktor-faktor yang mendorong kepada perubahan masa depan** turut diteliti dan diambil kira bagi memastikan kesan yang signifikan dan relevan kepada pelaksanaan dan pencapaian Wawasan Negara.
 - IV. Perjalanan menuju Wawasan Negara dan seterusnya pengemaskinian Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 yang mengandungi keutamaan dan NKPI-NKPI baru memerlukan kerjasama padu dari semua pihak dalam mana **proses perbincangan dan maklum balas** telah didapatkan daripada pelbagai pihak termasuk kementerian dan jabatan, sektor swasta, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisations, NGOs), pemimpin akar umbi, dan belia melalui sesi-sesi muzakarah dan pembarigaan Wawasan.
 - V. Dalam pada itu juga, perbincangan mengenai dengan Kerangka Kerja Wawasan dan NKPI-NKPI yang berimpak tinggi dalam **mesyuarat-mesyuarat koordinasi Wawasan** dengan keahliannya terdiri daripada semua menteri-menteri kabinet, memastikan adanya **pengintegrasian dan pensejajaran** antara kementerian dan agensi Kerajaan melalui perbincangan yang diadakan agar apa yang ingin dicapai dalam satu-satu matlamat utama Wawasan saling mendukung apa yang ingin dicapai dalam matlamat utama Wawasan yang lainnya.
 - VI. Pengemaskinian telah mengenal pasti sebanyak **41 NKPI yang berimpak tinggi dan mempunyai kepentingan utama yang sama** bagi memandu dan menyukat pencapaian tindakan transformasi dan pelaksanaan strategi dan pelan-pelan tindakan menjelang tahun 2035, khususnya melalui Blueprint-Blueprint Wawasan yang telah disediakan.
 - VII. Beralih kepada pertanyaan mengenai dengan cadangan untuk **memberigakan kepentingan pencapaian KPI ini kepada masyarakat awam** bagi memastikan rakyat memahami dan merasai impaknya dalam kehidupan sehari serta turut menyumbang ke arah kejayaan Wawasan.
 - VIII. Insya Allah, pihak Kerajaan akan menekankan kepada **ketelusan data NKPI-NKPI** Kebangsaan kepada masyarakat awam agar ianya dapat

meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penyertaan padu, dan memupuk kesedaran bahawa kejayaan negara adalah **tanggungjawab bersama semua pihak masyarakat**, melalui peningkatan kefahaman mengenai keutamaan sektor-sektor pembangunan, penyertaan aktif masyarakat melalui program dan inisiatif yang dijalankan, penyelarasan usaha sektor swasta dan NGOs dengan matlamat kebangsaan, dan sebagainya dalam usaha mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi Negara.

No. Soalan: PL45

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan langkah perubahan yang akan diperkenalkan untuk memulihkan trend pencapaian sektor pertanian, agromakanan, industri padi, perikanan, dan perhutanan ke tahap pra-COVID yang menunjukkan penurunan sejak 2021, walaupun usaha meluaskan aktiviti dan membuka kawasan baru telah dilakukan dan usaha kementerian untuk melebihi pencapaian tersebut. Ingin mengetahui langkah kementerian untuk mentransformasi amalan tradisional ke mekanisasi moden dan teknologi bagi meningkatkan hasil dalam industri ini.

JAWAPAN:

[Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada Sabtu, 15.03.2025]

No. Soalan: PL87

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan (a) jika ada peruntukan kewangan kepada pengusaha-pengusaha seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang mengusahakan projek pelancongan dan kemudahan serta sokongan bagi menjayakan projek; dan (b) perancangan Kementerian bagi mengenalpasti tempat-tempat yang akan boleh dijadikan projek pelancongan untuk menarik minat pelancong-pelancong luar dan dalam negeri dan memastikan ia sentiasa dinaik taraf dan diberikan pemberigaan yang meluas.

JAWAPAN:

[Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada Sabtu, 15.03.2025]

No. Soalan: PL136

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai rancangan strategi, rangka kerja dan insentif untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan anak tempatan untuk berkecimpung dalam sektor pertanian dan perikanan secara komersial berskala besar yang berteknologi tinggi dan moden sehingga berpotensi menembusi pasaran global.

JAWAPAN:

[Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada Sabtu, 15.03.2025]

No. Soalan: PL36

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**

TARIKH : 12.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan perancangan Kementerian mengenai keperluan hala tuju untuk melalui empat fasa sedangkan sebahagian infrastruktur untuk 'Pelancongan Pendidikan' dan 'Pelancongan Islamik' telah tersedia dan kedua-dua sektor pelancongan ini dapat meningkatkan hasil negara dengan usaha yang minima untuk membantu mencapai pendapatan pelancongan dan peningkatan ketibaan pelancong di Brunei.

JAWAPAN:

[Akan dijawab melalui Kenyataan Menteri pada Sabtu, 15.03.2025]

